**MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD** (No. Syarikat 201001019176(902884-V))

(Dahulu di kenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)
(Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

# KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA (RFQ)

**Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp")** ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk mengemukakan bidaan bagi kerja berikut:

| TAJUK SEBUT HARGA DAN NOMBOR SEBUT HARGA | SYARAT-SYARAT RFQ | PENDAFTARAN RFQ UNTUK TAKLIMAT | TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN RFQ |
|---|---|---|---|
| **PERMOHONAN UNTUK MENGEMUKAKAN SEBUTHARGA (RFQ) BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG PAPAN TANDA KORPORAT DI PEJABAT-PEJABAT MRT CORP**<br><br>**(RFQ NO: GEN-MRTC-GENE-OVPR-RFQ-000017)** | **Syarikat/Pemohon mestilah memiliki dokumen sah:**<br>1. **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**<br>2. Syarikat berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Grade G1**;<br>dan/atau;<br>Syarikat berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**, **Code 010401 (Papan Tanda & Aksesori)**<br>3. Mempunyai **Sijil Pematuhan Cukai** atau *Tax Compliance Certificate* **(TCC)** dengan **'Patuh'.** | Tarikh: **16 Mac 2026 (Isnin)**<br>Waktu: **10:00 pagi**<br>Tempat: **Multi-Purpose Hall, Level 5, Menara I&P 1, Jalan Dungun Bukit Damansara**<br><br>Untuk menyertai Taklimat RFQ ini, semua peserta dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara atas talian yang boleh diperolehi di salah satu pautan dibawah atau melalui kod QR yang disediakan:<br>1. Laman Web MRT Corp http://www.mymrt.com.my;<br>2. https://forms.gle/Z7yGnEdD3RzDXs8a8<br>3. Mengimbas kod QR yang disediakan:<br><br>Proses pra-pendaftaran akan bermula pada **Isnin, 9 Mac 2026 sehingga Jumaat, 13 Mac 2026**.<br>Wakil daripada setiap Permohon yang hadir semasa Taklimat RFQ adalah tidak melebihi dua (2) orang.<br>Wakil-wakil dari pihak Pemohon yang berminat mestilah terdiri daripada kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam budang RFQ dan kontrak untuk kerja yang dinyatakan, serta telah diberi kuasa oleh syarikat dengan melampirkan surat lantikan kuasa. Salah seoranga wakit haruslah terdiri daripada berikut:<br>1. Pengarah Urusan; atau<br>2. Pengurus Projek; atau<br>3. Pengurus Kontrak. | Dokumen RFQ hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada jam **12:00 tengahari, Khamis, 26 Mac 2026** |

**Nota:**

1. Pra-pendaftaran akan bermula pada **Isnin, 9 Mac 2026 sehingga 13 Mac 2026**.
2. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Dokumen RFQ yang disediakan.
3. Pembida dikehendaki mengemukakan Dokumen RFQ yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan didalam Dokumen RFQ.
4. Tarikh serahan bagi dokumen RFQ yang lengkap ini adalah pada **Khamis, 26 Mac 2026, tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari**. Sebarang kelewatan didalam penyerahan Dokumen RFQ ini tidak akan diterima.
5. Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
6. Dokumen RFQ akan tersedia kepada Pembida melalui email selepas sesi taklimat. MRT Corp Tidak AKAN melayan sebarang permohonan untuk Dokumen RFQ sebelum waktu yang telah dijadualkan diatas.
7. Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat untuk menerima harga tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran lain.
8. MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
9. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail ke ***procurement@mymrt.com.my***